

KENYATAAN AKHBAR

Dua Pelatih ABM mewakili Malaysia ke Pertandingan World Skills

KUALA LUMPUR, 19 April 2017 – Dua pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) akan mewakili Malaysia ke World Skills Competition (WSC) yang akan berlangsung di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu pada 14 – 19 Oktober 2017.

Dua pelatih berkenaan adalah Marinsun Lanun, 21 daripada ABM Wilayah Sabah yang akan mewakili bagi kategori Penjubinaan Dinding dan Lantai. Manakala Muhammad Zulkifli Bin Sahdan, 20 daripada ABM Wilayah Johor bagi kategori Dekorasi & Pengecatan.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia merangkap Pengerusi Akademi Binaan Malaysia, Dato Ahmad 'Asri Abdul Hamid yakin bahawa wakil Malaysia berkenaan mampu membawa pulang pingat bagi kategori yang disertai.

Kedua-dua pelatih yang menjadi wakil Malaysia itu sebelum ini memenangi Pertandingan World Skills Malaysia bagi Kategori Belia Peringkat Akhir yang berlangsung pada 3-6 Oktober 2015 di ABM Wilayah Selatan.

Sebagai perangsang, sebanyak RM3,000 wang tunai termasuk bendera Malaysia sumbangan CIDB Holdings Sdn Bhd (CIDBH) yang merupakan syarikat induk kepada ABM telah disampaikan serentak dengan Majlis Pembukaan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2017) baru-baru ini.

WSC dianjurkan sebanyak dua tahun sekali dan pada tahun ini, sebanyak 77 buah negara dan 51 buah acara akan dipertandingkan membabitkan program pendidikan vokasional dan kemahiran terbesar di dunia.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nor Baizura Abdul Rahaman	baizura@cidb.gov.my	+ 019 6182061
Nurul Hayati Khalil	nurul.hayati@cidb.gov.my	+6017 3239295